

SSBJ kuasai bola jaring USIM

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA 2009

TARIKH
2009



MOHD. ASIN (depan, dua dari kiri) menyampaikan cek kemenangan kepada wakil SSBJ yang muncul juara kategori Bawah 18 dan terbuka pada Kejohanan Bola Jaring Terbuka USIM 2009 baru-baru ini.

SEKOLAH Sukan Bukit Jalil (SSBJ) menguasai Kejohanan Bola Jaring Terbuka Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2009 apabila mengungguli dua daripada tiga kategori yang dipertandingkan di Kompleks Sukan USIM baru-baru ini.

Selain muncul juara kategori Bawah 18 tahun (sekolah menengah), SSBJ juga membuktikan kehebatan mereka apabila turut merangkul gelaran bagi kategori terbuka wanita manakala bagi kategori Bawah 21 tahun Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pula menjadi milik pasukan UniKL-MIAT.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Urus Setia Sukan dan Rekreasi Pelajar dengan kerjasama Pusat Sukan USIM dan Majlis Sukan Negeri Sembilan (MSNS) itu menyaksikan penyertaan daripada 51 pasukan dari seluruh negara untuk merebut hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM6,300.

Antara pasukan yang menyertai kejohanan ini ialah sekolah-sekolah di sekitar Lembah Klang termasuk SSBJ, IPT awam dan swasta serta kelab-kelab daripada agensi kerajaan dan badan berkanun.

Menurut Pegawai Sukan USIM, Nur Ekmal Buhary, kejohanan ini merupakan sebahagian daripada agenda penting USIM untuk melatih mahasiswa di kalangan Urus Setia Sukan dan Rekreasi Pelajar mengelolakan kejohanan pada peringkat kebangsaan.

"Selain itu, kejohanan ini juga menjadi platform untuk menyokong pembangunan sukan bola jaring pada peringkat akar umbi dengan sokongan agensi seperti Majlis Sukan Negeri yang melihat kejohanan ini sebagai medan melahirkan bakat baru bagi mewakili Negeri Sembilan ke Sukan

Malaysia 2010 nanti," kata Nur Ekmal.

Selain pingat, juara bagi kategori Bawah 18 tahun, SSBJ membawa pulang hadiah wang tunai RM500 manakala naib juara, Sek. Men. Keb. Teknik Kuala Lumpur meraih RM300, ketiga Kolej Tunku Kursiah (RM200).

Pasukan UniKL-MIAT yang muncul juara kategori Bawah 21 tahun IPT pula membawa pulang wang RM1,000.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Datuk Mohd. Asin Dollah.

